

Malaysian Journal of Youth Studies

Volume
Jilid **4**

ISSN 2229-8738

June
Jun **2011**

Articles / Makalah :

Muka Surat

- | | |
|---|------------|
| Pemikiran Belia Ke Arah Pemupukan Daya Kreatif Dan Inovatif Bagi Membangunkan Negara
SITI KHARIAH MOHD. ZUBIR | 1 |
| Penggunaan Konsep Generasi Y Di Malaysia
GEORGE LIM SHYUN JEN & LEE YOK FEE | 20 |
| Pembangunan Belia Positif Dalam Program Kem Rakan Muda Jiran Muda
WASITAH MOHD YUSOF & MOHD ROSLAN ROSNON | 33 |
| Learning & Teaching Through Youth-Led Initiative Programme In Character Development
LEE MAH NGEE | 59 |
| Pengaruh 'Youtube' Terhadap Keganasan Remaja
MAIZATUL HAIZAN MAHBOB, YONG AI MING,
WAN AZREENA WAN JAAFAR & MAHFUDZAH MUSTAFA | 76 |
| Factors Influencing Food Choice Among Students In A Residential College Of A Malaysia Public University
NORHASMAL SULAIMAN & YONG PEI SIN | 90 |
| Pendayaupayaan Belia Melalui Pendekatan Kerja Sosial
BUKRYMAN SABRI & SAMIR MUHAZZAB AMIN | 110 |

Penggunaan Barangan Dan Perkhidmatan Mewah Serta Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Belia Orang Asli Di Semenanjung Malaysia	126
SARJIT S. GILL, MOHD ROSLAN ROSNON, MA'ROF REDZUAN, HASLINDA ABDULLAH & NOBAYA AHMAD	
Fenomena Pengulangan Penagihan Dadah Dalam Kalangan Banduan Belia Di Penjara Pulau Pinang	147
MOHD. IBRANI SHAHRIMIN ADAM ASSIM, MOHAMAD FAUZI ABD. LATIB & MOHD. ROSLAN ROSNON	
Profil Dan Gaya Hidup Perokok Wanita Bekerja Di Lembah Kelang	166
HASLINDA ABDULLAH, MA'ROF REDZUAN & NOBAYA AHMAD	
Kecerdasan Emosi Dan Cara Gaya Kepimpinan Dalam Kalangan Pemimpin Remaja Di Bandar Baru Bangi, Selangor	179
MARIANI MANSOR & MOHAMAD NAQUIDDIN DAHAMAT AZAM	

PEMIKIRAN BELIA KE ARAH PEMUPUKAN DAYA KREATIF DAN INOVATIF BAGI MEMBANGUNKAN NEGARA

SITI KHARIAH MOHD. ZUBIR

ABSTRAK

Belia adalah penting kerana golongan ini bukan sahaja generasi pewaris tetapi nadi dan indikator keadaan sesebuah negara. Maju atau mundur ekonomi negara, perubahan nilai dan budaya, struktur pekerjaan dan konsep kenegaraan dicerminkan oleh generasi belia. Pemikiran belia hendaklah dicerna. Pemikiran ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. Belia yang kreatif ialah belia yang memiliki sikap positif terhadap sebarang kemungkinan baru dalam kehidupan dan persekitaran. Sikap yang positif ini akan mendorong belia untuk berwatak inovatif atau sikap yang suka membuat penambahbaikan menerusi kelainan dengan memanfaatkan segala ruang dan peluang di sekeliling. Menyedari hakikat ini, minda belia hari ini hendaklah dipupuk dengan daya kreatif dan inovatif supaya pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan baik.

Kata Kunci : *Pemikiran, Belia, Kreatif, Inovatif*

ABSTRACT

Youths are important not only as future generation but as the pulse and indicator of a nation's development. The progress of a nation's economy, changes in values and culture, career structure and nationalhood? Concept would be determined by the youth generation. Youth thinking should be promoted. This thinking is aimed for decision making and problem solution for man's peace and tranquility. A creative youth is one with a positive attitude towards possible changes in life. This positive attitude would mould youth to be innovative and adaptable to changes through utilization of available space and opportunities within their surroundings. In view of this reality, the minds of youths should be geared to be creative and innovative for the nation's development.

Keywords : *Thoughts, Youth, Creative, Innovative*

PENGENALAN

Malaysia, negara yang mempunyai populasi penduduk yang hampir 28 juta menjelang tahun 2011. Seramai 11.9 juta atau 41.5% dari populasi penduduk Malaysia merupakan belia yang berusia 15 hingga 40 tahun (<http://pembinaanterengganu.com/?p=836>). Ukuran kejayaan negara pada masa hadapan bergantung kepada generasi belia hari ini. Sebarang pengabaian dalam usaha pembentukan generasi ini akan mengundang kehancuran dan kemunduran negara.

Hari Belia diraikan pada 15 Mei setiap tahun. Pada tahun 2010, Hari Belia bertemakan “Membina Belia Kreatif dan Inovatif”. Tema ini menjurus ke arah pemupukan belia yang kreatif sebagai asas pemacu pertumbuhan negara. Menyedari akan realiti zaman ialah satu syarat asas kepada belia sejajar dengan keadaan perubahan persekitaran yang terjadi. Menerusi kerangka pemikiran yang ‘realistik’, maka belia akan berupaya mengatasi cabaran segera yang perlu ditempuh dan ditangani.

Menyedari hakikat ini, belia harus berusaha melakukan persediaan yang wajar yang sepatutnya bagi mendepani cabaran peralihan zaman ini dapat dijayakan. Antara persediaan terpenting ialah keperluan untuk belia meningkatkan daya kreativiti dan inovasi dari dalam diri masing-masing. Di dalam konteks inilah, pengkaji melihat ketepatan tema sambutan Hari Belia tahun 2010.

Muhammad Razak Idris (2010) dalam artikelnya yang bertajuk “Membina Belia Kreatif dan Inovatif” menyatakan bahawa belia yang kreatif ialah belia yang memiliki sikap positif terhadap sebarang kemungkinan baru dalam kehidupan dan persekitarannya. Sikap yang positif ini akan mendorong belia untuk berwatak inovatif atau sikap yang suka membuat penambahbaikan menerusi kelainan dengan memanfaatkan segala ruang dan peluang di sekelilingnya. Belia yang kreatif juga seorang yang unik. Ia tidak bermaksud sebagai satu peribadi yang gemar mencari kelainan sehingga menghilangkan jati dirinya yang hakiki. Semua yang kreatif berfikiran di luar kotak pandangan kebiasaan untuk mencari keunikan baru dengan tujuan untuk meningkatkan keutuhan jati diri. Inilah watak sebenar belia kreatif yang akan menyumbang kepada pemucuan pembangunan negara. Pernyataan di atas diambil daripada (<http://razak.wordpress.com/2010/06/01>).

Menurut Syed Omar Syed Agil Al-Attas (1995:80) masih terdapat banyak ruang untuk membuat perubahan yang memerlukan usaha dari semua

pihak, terutama sekali kaum belia untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dan membangunkan negara dalam semua dimensi. Belia kreatif adalah aset terpenting untuk membangunkan sesebuah negara. Belia yang berpandangan jauh dan positif terhadap perkembangan zaman, sentiasa berfikir serta merancang bagaimana memastikan ketahanan mereka di dalam dunia yang penuh dengan persaingan.

Belia yang kreatif dan inovatif sentiasa membawa idea baru dalam bentuk perkhidmatan, industri pertanian dan perniagaan bagi kegunaan rakyat di dalam negara atau untuk tujuan persaingan dengan masyarakat dunia. Menurut Siti Khariah Mohd Zubir (2008:77) kebolehan berfikir secara kreatif mesti ada pada seseorang belia untuk membolehkan mereka merekayasa sesuatu bidang yang direncanakannya. Contohnya, dalam bidang perniagaan yang dilakukan secara kecil-kecilan hendaklah menggunakan akal fikiran supaya perniagaan itu boleh menjadi satu empayar yang besar. Dengan cara ini, negara akan secara langsung berkemampuan meningkatkan tahap persaingan di peringkat global menerusi keupayaan kreativiti dan inovasi belia. Belia yang kreatif dan inovatif akan sentiasa berdaya tahan untuk berdepan dengan perubahan zaman.

Untuk membangunkan pemikiran belia yang kreatif dan inovatif, usaha mengukuhkan budaya ilmu dalam kalangan belia amat diperlukan. Jabir Qamihah (1996:106) menjelaskan bahawa dari perspektif Islam, Islam telah menyebarkan dasarnya dengan jelas mengenai belia di dalam segala aspek kehidupan, terutamanya dalam bidang pendidikan. Rasulullah SAW ada bersabda, “mempelajari ilmu itu wajib bagi setiap insan muslim, tidak kira belia atau beliawanis”. Dasar ini telah ditegaskan sejak kemunculan Islam pada Abad Keenam Masihi dan masih terpakai dan terus menjadi tunjang kepada dasar pengajaran Islam hingga ke hari ini. Belia perlu memperoleh pendidikan formal sehingga peringkat tertinggi. Di samping itu, ruang dan peluang pendidikan tidak formal juga perlu diperluas. Semangat ‘menuntut ilmu dari buaian ke liang lahad’, perlu dipertingkatkan. Kreativiti dan inovasi belia cuma boleh terbina menerusi proses pengupayaan ilmu pengetahuan yang tinggi dan luas sahaja. Belia juga harus mempunyai jati diri yang kukuh dan bersedia menerima realiti budaya dan sikap masyarakat lain.

KONSEP BELIA

Istilah belia bermaksud muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi. Takrif belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar

Perlembagaan Belia Negara” (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:

- i Ia ialah takrif Majlis Belia Malaysia, 1985.
- ii Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang dan waras serta dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
- iii Menurut Commonwealth Youth Secretariat (1993), umur belia di sebahagian negara anggotanya seperti yang berikut :
 - Bangladesh : 15 hingga 30 tahun
 - Brunei Darussalam : 15 hingga 35 tahun
 - India : 15 hingga 34 tahun
 - Hong Kong : 10 hingga 24 tahun
 - Pakistan : 18 hingga 30 tahun
 - Singapura : 15 hingga 30 tahun
 - Sri Lanka : 15 hingga 24 tahun

Azizan Bahari (1995) dalam <http://belia-malaysia.blogspot.com/2007/07/definisi-belia.html> menyatakan definisi belia sekarang dalam lingkungan umur antara 15 hingga 40 tahun itu adalah luas. Berkemungkinan beza umur untuk gelaran belia dalam lingkungan 13 hingga 30 tahun. Ia adalah satu lingkungan umur yang sesuai dipanggil belia, walaupun masih terdapat beberapa hal yang berbeza, daripada aspek tahap bersekolah, mencari kerja, memulakan kerja, berkenalan, mencari pasangan hidup, berumah tangga dan sebagainya.

Manakala, Muhammad Ismail Mustari (2007), mendefinisikan belia dalam lima kelompok seperti berikut:

- i Golongan belia remaja. Rata-rata kumpulan ini masih di bangku sekolah. Antara beberapa perkara yang perlu ditekankan dalam kumpulan ini adalah mendidik nilai, memupuk jati diri, di samping mendedahkan mereka dengan senario yang berubah dan impaknya ke atas mereka.
- ii Golongan belia institusi pengajian tinggi atau penuntut (18 hingga 25 tahun). Golongan ini terdiri daripada penuntut yang berada di institusi pengajian tinggi dan lepasan sekolah menengah. Mereka mula memasuki alam lebih bebas daripada kawalan ibu bapa, mahupun peraturan sekolah. Pada peringkat ini, mereka perlu ditekankan dengan moral yang tinggi dan memupuk hubungan sihat apabila bergaul.
- iii Golongan awal pekerjaan (18 hingga 23 tahun). Golongan ini perlu didedahkan dengan pelbagai peluang memajukan diri dalam bidang

- yang mereka ceburi, galakan belajar dan menimba pengalaman perlu diutamakan. Di samping itu, program yang dapat meningkatkan kesedaran sosial yang sihat perlu diusahakan dan dilaksanakan.
- iv Golongan belia industri (20 hingga 30 tahun). Sektor industri kini menyediakan peluang kerja yang tinggi di Selangor. Belia perlu diberi peluang meningkatkan diri dalam hal yang berkaitan dengan keperluan kemahiran bekerja dan membangunkan insan.
 - v Golongan belia veteran (30 hingga 40 tahun). Biasanya golongan ini sudah berumah tangga dan lebih menumpukan usaha mengukuhkan pendapatan keluarga serta mendidik anak-anak. Mereka ini lebih matang dan ada tanggungjawab yang lebih tinggi pada keluarga.

KONSEP DAYA KREATIF

Perkataan kreatif bermaksud dapat atau berkemampuan mencipta, menghasilkan, atau mengembangkan (Siti Khariah Mohd Zubir, 2008: 75). Crow & Crow (1983: 365) pula berpendapat pemikiran kreatif melibatkan proses mental yang sama seperti yang berlaku dalam bentuk-bentuk pemikiran yang lain, iaitu dalam pengalaman, pengaitan dan pernyataan. Anggapan mental diterima, diingat kembali, digambarkan dan digunakan. Daripada proses tindak balas ini kerap kali timbul pernyataan dan penikmatan. Peringkat pemikiran kreatif biasanya meliputi persediaan, masa pemeraman dan celik akal. S. C Parker (1920: 199), berpendapat seseorang yang kreatif melalui peringkat persediaan, walaupun mungkin bagi seseorang itu mencipta sesuatu dalam masa yang begitu singkat. Sesiapa yang berjaya mengeluarkan satu hasil yang tersendiri, adalah celik akal, mempunyai pengalaman, tenaga dan kekuatan yang cukup untuk menciptanya.

Seterusnya D.N Johnson (1948: 206), berpendapat ada dua ciri yang menunjukkan pemikiran kreatif, iaitu hasil yang tersendiri dan prosedur pemikiran yang tidak tetap dan tidak boleh diramalkan, akan tetapi matlamat dan prosedur adalah berbeza. Apa yang dianggap oleh seseorang sebagai lakuan yang tersendiri mungkin berbeza, tetapi menghasilkan keputusan yang sama. Pemikiran kreatif juga berbentuk kegiatan mental yang lain melibatkan proses pengenalan akan tetapi dalam penyelesaian masalah sehari-hari identiti yang mendasari kesimpulan adalah agak mudah dan biasa. Daya cipta menunjukkan pengeluaran satu identiti yang baru sama ada seluruhnya atau sebahagiannya. Pengenalan yang baru timbul sebagai identiti yang diketahui, disusun semula secara mental untuk membentuk perkaitan yang ada hubungan dengan matlamat yang diingini.

KONSEP INOVATIF

Inovatif bermaksud perihal mengadakan atau memulakan sesuatu yang baru daripada bahan yang telah sedia ada (Siti Khariah Mohd Zubir, 2008: 71). Ia menggalakkan manusia menggunakan kebolehan kreativiti mereka untuk mencipta sesuatu. Loo Chee Kuang (1992:74) mentafsirkan inovatif sebagai kebolehan untuk melakukan pembaharuan atau mengubah suai barang atau perkhidmatan yang sedia ada untuk mempertingkatkan mutu barangan atau perkhidmatan itu. Manakala K. Morogan (2002:166-167), pula mendefinisikan inovatif sebagai kebolehan mengubah suai sesuatu keluaran dan perkhidmatan agar diubah suai itu menjadi lebih bermutu dan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Usahawan yang inovatif akan sentiasa berusaha dan mencari jalan menjadikan barangan atau perkhidmatan yang ada, lebih menarik untuk bersaing dengan peniaga-peniaga lain.

METODOLOGI KAJIAN

Teori Pemikiran Sistem Bersepadu (SPB4K)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu pada awalnya dikenali sebagai teori SPB4L yang diperkenalkan oleh Mohd Yusuf Hassan seorang tokoh pemikir dan sarjana dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Teori SPB4K adalah singkatan nama Sistem Pemikiran Bersepadu. Manakala 4K mewakili empat istilah iaitu Ketuhanan, Kesaintifikan, Kebitaraan dan Kekreatifan. Teori SPB4K merupakan teori pendidikan pemikiran. Pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kehidupan.

Teori SPB4K, sama sifatnya dengan teori Psikoanalisis Klasik oleh Frued yang menyelongkar aspek kejiwaan manusia di bawah sedar bagi mengesan perilaku dan tindak tanduk manusia di atas sedar. Berdasarkan pemikiran Frued tentang aspek bawah sedar telah membuka minda pengkritik sastera untuk menyelongkar aspek bawah sedar pengarang sebagai sangat relevan dengan proses penghasilan karya.

Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran. Kesepaduan ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi kemahiran dan amalan dalam kehidupan seharian. Beliau menyatakan bahawa pemikiran yang perlu disepadukan itu ialah pemikiran yang kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan. Keempat-empat kemahiran

pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbang balik dan bukannya secara berasingan. (Mohd Yusof Hassan, 2001 ;3).


Pemikiran Kerohanian merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Ianya berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran ini juga menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia dan turut dianggap sebagai pemikiran keimanan. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihatkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal iaitu manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan terus dengan Allah. Manakala hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Melalui pemikiran kebitaraan, pemikiran ini merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ianya mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh yang demikian penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan haruslah ceria positif, kreatif dan soleh. Hal ini bertujuan supaya watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya dapat ditonjolkan dari segi peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan menjadi tauladan kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Oleh yang demikian, melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang 'real' atau benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran kekreatifan merujuk kepada pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Melalui pemikiran lateral, terdapat teknik-teknik untuk mengenali pemikiran kreatif, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Seseorang juga dapat mempelajari satu pendekatan sistematik untuk mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan. Dalam kaitannya dengan penghasilan sesebuah karya sastera, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran lateral, seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi. Dalam teknik penulisan, ianya merujuk kepada pembinaan plot cerita yang kompleks tetapi mudah untuk diikuti dan difahami oleh pembaca.

Keempat-empat jenis pemikiran dalam teori ini dapat digambarkan seperti berikut.



Rajah 1 : Teori SPB4K (Mohd Yusof Hassan, 2007: 149)

Teori ini percaya bahawa sebuah masyarakat yang memiliki sifat pemikiran yang berteraskan 4K mampu melahirkan pengarang dan karya yang bersifat sepadu dan komprehensif sesuai dengan keperluan asasi jasmani, empat perkara yang saling kait mengait antara satu sama lain iaitu masyarakat, pengarang, karya dan pembaca. Keempat-empat perkara ini memiliki empat pemikiran yang sama.

Bagi pemikiran Lahir, seseorang insan haruslah menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Perwatakan seseorang harus ceria positif, kreatif dan soleh. Bagi pemikiran logik, seseorang itu harus mengemukakan latar yang real, tempat yang indah, permai, suasana yang kondusif, masa yang sesuai, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas. Begitu juga dengan pemikiran Lateral pula seseorang seharusnya menampilkan perawakan yang kreatif dan bermutu tinggi.

(Mohd Yusof Hassan 2007:30-31)

Dapatlah dirumuskan bahawa, teori SPB4K ini mementingkan suatu rumusan yang bersifat holistik dengan menekankan seluruh keupayaan dalaman dan luaran seseorang manusia. Sekiranya para belia dapat mengaplikasikan teori SPB4K dalam kehidupan seharian mereka, mereka akan berusaha dan bersedia mendepani cabaran peralihan zaman. Belia yang kreatif dan inovatif memiliki sifat positif terhadap sebarang kemungkinan baru dalam kehidupan dan persekitarannya. Sikap yang positif akan mendorong belia berwatak inovatif, berfikiran kritis, kreatif dan bersikap suka membuat penambahbaikan menerusi kelainan dengan memanfaatkan segala ruang dan peluang di sekeliling mereka.

PEMIKIRAN BELIA DALAM MENERAJUI PERNIAGAAN

Terdapat banyak jenis perniagaan yang boleh diceburi oleh seseorang belia untuk memulakan perniagaan sendiri. Jenis perniagaan yang boleh diceburi bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan minat belia yang berkenaan. Perkara-perkara yang berkaitan dengan perniagaan yang perlu diambil kira ialah saiz, jenis dan corak pemilikan. Perniagaan boleh dikategorikan mengikut saiznya, iaitu daripada saiz kecil yang menggunakan sebuah gerai sementara di pasar minggu, pasar tani atau pasar malam kepada saiz yang besar seperti sebuah prima perniagaan yang mempunyai cawangan di merata-rata tempat.

Firma perniagaan bermaksud sebuah organisasi perusahaan atau perniagaan yang besar lazimnya mempunyai banyak cawangan. Mahmud Muhammad Bahilli (1988:199), pula mendefinisikan firma perniagaan sebagai suatu kegiatan yang diusahakan oleh individu ataupun berkumpulan secara besar-besaran. Kebaikan perkaitan dan kerjasama atau koperasi dalam kalangan manusia akan mendatangkan natijah yang sebaik-baiknya, andainya ada niat yang jujur di hati mereka. Selanjutnya Amir H. Baharuddin (1982: 69) mentakrifkan firma perniagaan sebagai suatu aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh orang perseorangan ataupun dalam bentuk syarikat yang menjalankan urusan jual beli secara besar-besaran. Di samping menentukan

jenis perniagaan yang akan diceburi, secara firma seseorang belia perlu jua memikirkan cara untuk memulakan perniagaannya.

Belia yang ingin membina firma pada awalnya seharusnya mengenal pasti dan menilai peluang-peluang perniagaan yang wujud dan boleh merebut peluang itu serta mempunyai keyakinan diri untuk berjaya. Sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang belia yang ingin mencapai kejayaan ke taraf firma ialah bersikap rasional, berpandangan jauh, berhemah tinggi dan senantiasa berwaspada agar dapat memiliki perniagaan yang sesuai dengan kebolehan dan kemampuan diri.

Lazimnya untuk membina sesebuah firma perniagaan, belia itu perlu memiliki unit milikan perniagaan yang bersesuaian dengan kebolehan dan tahap operasinya. Faktor yang perlu dipertimbangkan sebelum memiliki jenis milikan yang sesuai seperti mengenal pasti jenis barangan yang hendak dikeluarkan, kemahiran sedia ada, keperluan modal, saiz pasaran dan tidak kurang pentingnya kawalan ke atas perniagaan.

Untuk menceburi bidang perniagaan buat julung-julung kalinya, para belia dinasihati mengikuti Skim Industri Kecil dan Sederhana. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai perusahaan perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan dengan pusing ganti tahunan melebihi 25 juta dan menggaji kakitangan sepenuh masa tidak melebihi 150 orang. Peluang perniagaan ini sepatutnya direbut oleh kaum belia memandangkan usaha niaga berbentuk IKS mendapat sokongan penuh daripada kerajaan. Sebagai seorang belia yang berkelulusan, jangan mengharapkan bekerja makan gaji sahaja, tetapi bukalah minda, terutamanya belia Melayu menceburi bidang perniagaan. Pemikiran yang kreatif mesti ada pada belia, terutamanya belia Melayu.

Mohd. Yusuf Hassan (2007:18) menyatakan bahawa pemikiran kekreatifan ialah satu kemahiran yang paling penting yang perlu dimajukan oleh seseorang individu. Sungguhpun ramai golongan belia mempunyai potensi untuk berfikir secara kreatif, namun masih ada di antara segelintir yang cenderung kehilangan kreativiti menjelang dewasa kerana mereka takut menghadapi persaingan yang sangat mencabar dan kurang daya tahan untuk berdepan dengan perkembangan dan perubahan zaman. Para belia harus berusaha mendapatkan informasi tentang aktiviti perniagaan (IKS). Belia harus peka dan belajar bagaimana cara mendapatkan lesen premis dan lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Leonand MS Yong et al. (1994:1) menjelaskan bahawa pemikiran kekreatifan digunakan untuk

melepaskan diri daripada cengkaman persepsi lapuk. Secara amnya, pemikiran kreatifitas meliputi proses-proses berfikir yang keluar dan menerokai sudut-sudut baru, iaitu berfikir dengan lebih kuat dan bertungkus lumus. Untuk pengetahuan para belia bagi mengusahakan perniagaan IKS, para belia boleh memilih bidang yang mereka minati. Bidang yang ditawarkan ialah pertanian, perikanan, ternakan, atau pemprosesan makanan dan sebagainya.

Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati perniagaan IKS yang diperkenalkan oleh kerajaan ada memberikan pembiayaan dan geran. Kerajaan yang menawarkan pelbagai bentuk bantuan pembiayaan kepada pengusaha IKS. Bantuan ini disalurkan melalui agensi-agensi bertanggungjawab dan juga melalui institusi-institusi kewangan. Selain daripada pembiayaan, kerajaan juga ada memberikan pinjaman melalui institusi kewangan kerajaan, bank komersial dan syarikat kewangan. Khidmat nasihat dan perundingan juga disediakan untuk para belia yang ingin pendedahan lanjut mengenai IKS, khidmat nasihat dan latihan pembangunan juga disediakan.

Bidang perniagaan amat luas untuk diterokai. Salah satu bidang perniagaan yang popular kini ialah perniagaan secara francais. Populariti penggunaan perkataan francais akhir-akhir ini dalam mengaitkan hubungan perniagaan, telah mengundang salah faham dan penggunaan yang tidak tepat. Terdapat sedikit perbezaan definisi francais, dari satu negara ke negara yang lain. Menurut <http://skypin.tripod.com/ekin/ekin10.html>, definisi francais dalam Akta Francais 1998 adalah sangat luas agak terperinci, mencakupi aspek perjanjian kontrak, pemberian hak, penggunaan harta intelektual, pembayaran yuran dan royalti serta tanggungjawab asas francaisor dan francaisi. Zakiah Hanum (1992: 98) mendefinisikan francais sebagai perniagaan yang berkembang maju dengan cara membuka seberapa banyak cawangan perniagaan. Contohnya, "*Kentucky Fried Chicken*" dan "*Mc Donald's*" yang beroperasi di Malaysia telah dibenarkan oleh pemiliknya di luar negara untuk memperniagakan makanan menggunakan jenama mereka dengan mematuhi syarat yang dipersetujui.

Untuk mengikuti bidang perniagaan francais, para belia hendaklah memahami maksud francais. Perbezaan utama antara francaisi dan pekerja adalah pelaburan. Francaisi perlu mengeluarkan modal sendiri, sementara pekerja tidak perlu melakukan perkara ini. Walaupun kedua-dua francaisi dan pekerja yang makan gaji tertakluk kepada arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh francaisor atau majikan, namun, francaisi selalunya mempunyai lebih kebebasan menggunakan idea dan inisiatif sendiri. Para belia yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan francais akan diberikan latihan dan didikan daripada francaisi bagaimana menguruskan perniagaan,

mengendalikan produk dan perkhidmatan, sedangkan pengedar selalunya hanya dipertanggungjawabkan mengendalikan barang tanpa perlu sangat terikat kepada prosedur atau manual operasi tertentu.

Perniagaan francais juga dapat memberikan pulangan yang besar. Oleh itu, para belia hendaklah mengubah fikiran mereka dari takut lama kepada cara yang moden untuk berniaga. Edward de Bono (1970:26), pernah mengatakan bahawa seseorang itu tidak dapat menggali lubang-lubang di tempat lain seandainya dia asyik menggali lubang yang sedia ada supaya ia menjadi lebih dalam lagi. Maksud beliau ialah berfikir dan bekerja dengan lebih keras dengan menggunakan idea-idea dan cara-cara lama belum tentu kita dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kebarangkalian penyelesaian itu ada tetapi hanya dengan usaha kita cuba menggunakan idea-idea dan cara-cara baru. Para belia juga takut untuk mencuba perkara baru sekiranya ia mendatangkan keuntungan kepada diri kita. Aion Mohd. dan Abdullah Hassan (1999:202) menyatakan bahawa kekreatifan dan inovatif memerlukan penghasilan idea yang baru, pembaharuan dan pembebasan idea serta berfikiran fleksibel. Para belia juga gusar sekiranya ada masalah yang timbul, rintangan, cabaran dan kesukaran terpaksa ditanggung dengan berusaha untuk menyelesaikannya secara berkesan.

Belia juga digalakkan menggunakan teknologi moden untuk meningkatkan pengetahuan mereka dalam semua bidang. Peningkatan dalam usaha niaga kini amat bergantung kepada penggunaan teknologi moden dan sistem teknologi maklumat berjalan seiring dengan perniagaan. Para belia dikehendaki melayari e-ekonomi dan juga e-dagang untuk mendapatkan maklumat tentang perniagaan. Pengkaji mendapati kerajaan sentiasa memberikan sokongan kepada mana-mana pihak yang ingin memajukan perniagaan mereka dengan mengaplikasikan teknologi moden, terutamanya penggunaan sistem komputer. Dengan menggunakan teknologi moden, para usahawan belia dapat menjalankan perniagaan dengan lebih efektif dan penyampaian maklumat perniagaan akan lebih pantas serta menjangkau ke benua lain akan dapat meningkatkan pendapatan. Belia kreatif dan inovatif yang penuh persaingan ini yang menggunakan teknologi maklumat perniagaan akan mendapat kelebihan. Antaranya, dapat menjimatkan kos syarikat dengan penggunaan ruang laman sosial seperti facebook, email dan pelbagai lagi kaedah dalam pengiklanan. Maklumat berkaitan perniagaan dalam bentuk iklan tersebut boleh sampai ke mana sahaja.

Menurut Raga Sperry dalam Mohd. Yusuf Hassan (2007:12), hemisfera otak kiri atau ringkasnya hoki, iaitu otak sebelah kiri mempunyai kemampuan

sains dan teknologi. Manakala, otak sebelah kanan atau hoka mempunyai kemampuan kreativiti, inovasi dan sastera. Dalam hal ini, para belia menggunakan otak kiri dan kanan mereka untuk menjayakan misi perniagaan mereka.

PEMIKIRAN BELIA DALAM MENERAJUI PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Sektor pertanian merupakan salah satu sektor yang sedang membangun di Malaysia. Memang tidak boleh dinafikan keberkesanan sektor ini dapat memajukan ekonomi negara. Hal ini dapat dibuktikan dalam tempoh pelaksanaan RMK-9, sektor pertanian telah dibangunkan untuk dijadikan sektor ketiga penjana ekonomi negara. Bidang pertanian amat luas. Salah satu usaha yang dilakukan untuk memajukan bidang ini adalah dengan menarik lebih ramai lagi golongan belia untuk menyertai sektor pertanian. Bidang ini juga dilihat sebagai salah satu usaha mengurangkan peratusan pengangguran.

Belia yang kreatif dan inovatif hendaklah berfikiran positif dan memandang jauh ke hadapan untuk memajukan diri. Dalam artikel yang bertajuk “Persepsi Belia Terhadap Prospek dan Potensi ‘Farming Contract’ di Malaysia” ada menyatakan bahawa statistik tahun 2007, lebih daripada 27 juta orang rakyat Malaysia, 41% atau 11.1 juta merupakan golongan belia. Pertambahan jumlah belia juga menyaksikan kadar pengangguran yang meningkat pada paras 3.4% pada tahun 2007, turut menyaksikan pertambahan golongan penganggur, terutama dalam kalangan para belia berijazah. Golongan ini harus dijadikan sebahagian daripada komuniti tani di Malaysia sebagai salah satu usaha mengurangkan peratusan pengangguran. Salah satu aktiviti pertanian yang boleh disertai ialah farming contract seperti ternakan lintah, cacing, kambing, sarang burung dan herba. Aktiviti ini merupakan aktiviti pertanian yang semakin popular pada hari ini berdasarkan kaedah ternakan yang mudah dan hasil pulangan yang lumayan, untuk menarik minat belia menyertai pertanian. Penyataan di atas dipetik daripada (http://www.lpsas.upm.edu.my/bm_belia_pemajuan.htm).

Bidang pertanian komersial merujuk kepada pertanian yang diusahakan dalam bentuk perladangan dengan hasil pasaran dalam skala besar, jumlah keluasan tanah yang diusahakan luas, budaya dimajukan dengan tanaman yang berpotensi untuk jualan bagi menaikkan pendapatan dan menambah nilai guna tanah untuk tanaman yang bersifat positif. Mohd. Yusuf Hassan (2007:12) menyatakan bahawa pemikiran kekreatifan digunakan untuk

menghasilkan idea dan konsep baharu. Oleh itu, kajian demi kajian dilakukan dan banyak penemuan yang dihasilkan. Contohnya, penemuan baru dalam teknologi membawa satu revolusi baru dalam pembangunan sektor pertanian dengan mengenal pasti usaha baru yang berkaitan seperti bioteknologi dan nanoteknologi. Dengan ini, wujudlah hala tuju baru sektor pertanian berasaskan kemajuan penerapan teknologi maklumat dan multimedia.

Teknologi dalam industri pertanian mengalami pertumbuhan dalam penggunaan alat seperti mesin-mesin yang membantu meningkatkan taraf hidup kaum belia. Segala kerja dalam industri pertanian dapat dilahirkan dengan mudah dan lebih efisien lagi. Selain itu, cara ini juga dapat membantu belia mahir dalam penggunaan teknologi. Dengan adanya teknologi pertanian moden seperti bioteknologi menghasilkan baka-baka yang baik dan hidroponik dapat ditingkatkan. Selain itu, pengeluaran dapat ditingkatkan dan dapat menyumbang pertumbuhan sektor pertanian sejajar dengan wawasan pertanian negara.

Keaktifan sektor pertanian di kawasan tempatan dapat menyumbang kepada pertumbuhan bidang pekerjaan. Belia-belia yang menganggur boleh mendapatkan pekerjaan dengan mudah. Belia tani seperti ini diharapkan menjadi pelapis menggantikan generasi petani yang semakin tua dimamah usia. Mereka yang aktif dan inovatif mengikut perubahan dan kemajuan dunia hari ini dapat memberi kesan kepada pembangunan belia tani. Antaranya ialah seperti perubahan sektor pertanian Malaysia, perubahan nilai kehidupan dan perubahan persekitaran yang sangat ketara akhir-akhir ini. Dalam artikel yang bertajuk “Teknologi Pertanian dan Belia” yang dipetik daripada (http://belia2010.blogspot.com/2010_02_01archive.html) menyatakan bahawa golongan belia dikategorikan sebagai aset bernilai negara kerana mereka pewaris yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negara dan merupakan sumber tenaga kerja yang terpenting. Sumber tenaga yang menjadi tunggak negara ini mestilah dibangunkan dan digembleng menjana pembangunan sumber tenaga yang berkualiti dan produktif. Walaupun ekonomi dan dasar penswastaan telah dikatakan sebagai penggerak, mampu untuk meneruskan dan mengekalkan kejayaan yang sedia dicapai seterusnya mencipta kemajuan pada masa akan datang.

Selain sektor pertanian, generasi belia disarankan menceburi bidang penternakan yang menjanjikan pendapatan dan kehidupan yang baik kepada masa depan mereka. Contohnya teknologi penternakan ikan keli bukan sahaja mencakupi sistem infrastruktur atau kaedah menternak tetapi dipertingkatkan lagi dengan pengenalan beberapa produk sampingan. Terbaharu, kumpulan

penyelidik Perintis Agrotech Centre (PATC) memperkenalkan hasil penemuan terbaharu mereka, Bio-Aqua, iaitu formula khas untuk pembangunan industri ternakan dan pembiakan keli tempatan. Mohd. Yusuf Hassan (2007:56) menyatakan pemikiran kekreatifan mempunyai ciri-ciri tersendiri. Yang pertama, menghasilkan idea baharu dan konsep baharu. Kedua, mengutamakan cara lain untuk melihat sesuatu yang sedang difikirkan. Ketiga, memberi tumpuan untuk mengubah idea yang sedia ada. Oleh itu, pengkaji mendapati para penyelidik telah mendapatkan satu idea yang baik untuk memternak ikan keli kepada para belia. Perniagaan berasaskan ternakan ikan keli kian popular. Kaum belia yang berminat bolehlah menceburkan diri dalam lapangan ini untuk mendapatkan sumber pendapatan tetap ataupun sampingan.

Industri penternakan kambing dan biri-biri mendapat sambutan hangat daripada para belia. Ternakan biri-biri mencapai kematangan lebih cepat, iaitu setahun berbanding kambing yang memerlukan masa dua tahun. Ternakan biri-biri memerlukan kos yang rendah dibandingkan dengan kos penternakan kambing. Seajar dengan hasrat kerajaan bagi menjayakan Dasar Pengeluaran Daging Kambing Negara, kerajaan telah pun menubuhkan Pusat Pembiakan Boer Nasional (NBBC) yang menyediakan pelan rangkaian pengeluaran dan pemasaran yang sistematik dalam kuantiti yang mega dalam negara. Oleh itu, para belia yang leka dan lalai, diharap dapat mengambil peluang yang ada untuk meningkatkan ekonomi sendiri dan negara.

PEMIKIRAN BELIA DALAM MENERAJUI KEMAHIRAN TEKNIKAL

Inisiatif Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Mahyuddin Yasin untuk menjadikan sistem pendidikan vokasional sebagai model dalam sistem pendidikan di Malaysia adalah sangat signifikan dengan Model Ekonomi Baru (MEB) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Sistem ini dapat membantu para belia lepasan sekolah menceburi bidang kemahiran asas.

Dalam usaha menggalakkan lebih ramai belia menceburi bidang kemahiran asas. Contohnya, Politeknik Port Dickson memberikan kursus asas kepada para belia. Selain mendedahkan peserta dengan pelbagai teknik kimpalan arka, kursus yang buat kali pertamanya diadakan dapat membuka minda para belia. Belia yang berfikiran kreatif dan inovatif akan mengambil peluang ini sebagai satu cara untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Para belia sepatutnya bersyukur ke hadirat Ilahi dengan Model Ekonomi Baru (MEB) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri. Antara strategi MEB adalah meningkatkan pendapatan per kapita rakyat Malaysia dengan fokus ditumpukan kepada golongan kurang bernasib baik. Selain daripada golongan miskin dan orang kurang upaya, mereka yang mencapai tahap akademik rendah juga boleh digolongkan sebagai kurang bernasib baik. Justeru, dengan memberikan mereka pendidikan vokasional dan kemahiran, belia yang tercicir akademik juga boleh menikmati pendapatan tinggi. Pengkaji mendapati pemikiran pemimpin yang baik lagi kreatif dapat membantu para belia yang tidak mempunyai akademik yang tinggi tetapi mempunyai kemahiran asas yang baik. Bukan bidang akademik sahaja yang boleh menjanjikan pulangan yang lumayan tetapi bidang kemahiran juga memberikan ganjaran yang setimpal dengan kebolehan mereka.

Memandangkan perkara ini amat penting, pihak kerajaan mengambil daya inisiatif supaya aliran vokasional diajar dari tingkatan satu lagi. Masyarakat seharusnya memberikan sokongan padu terhadap misi kerajaan ini. Sekiranya program ini dapat dijalankan, maka para belia apabila tamat alam persekolahan kelak tidak susah untuk mendapatkan pekerjaan kerana mereka sudah ada kemahiran. Pendidikan teknik dan vokasional merujuk kepada pendidikan dan latihan yang menyediakan individu dengan pengetahuan akademik, teknikal dan kemahiran. Pendidikan ini boleh dilanjutkan pada peringkat pengajian yang lebih tinggi, iaitu sarjana muda bagi membolehkannya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan memudahkan mereka memasuki bidang pekerjaan kelak. Pendidikan ini merangkumi pembelajaran berasaskan keterampilan yang membolehkan seseorang individu meningkatkan pengetahuan akademik, kemahiran berfikir secara kritis, penyelesaian masalah, kemahiran keboleherkerjaan dan kemahiran khusus dalam sesuatu bidang kerja.

Siti Khariah Mohd. Zubir (2008:72) menyatakan bahawa belia usahawan kemahiran teknologi seharusnya kreatif, inovatif dan peka terhadap segala perubahan. Tambahan pula seseorang belia yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi hendaklah berpandangan jauh, dinamis dan sentiasa merancang untuk mencari jalan bagi memajukan pencapaiannya. Orang Jepun umpamanya, ialah bangsa yang sangat kreatif dan inovatif. Teknologi pengeluaran di negara Jepun dipelajari dari Barat, diperbaiki dan diperbaharui. Hasilnya, sehingga kini, Jepun merupakan negara yang memonopoli industri kereta. Oleh itu, para belia di Malaysia diseru supaya dapat mencontohi bangsa Jepun dalam usaha untuk memajukan diri sendiri dan juga negara.

KESIMPULAN

Banyak usaha telah dilakukan dalam melahirkan belia yang kreatif dan inovatif untuk membangunkan negara. Semua pihak perlu memainkan peranan penting. Usaha pembinaan belia yang berwatak kreatif dan inovatif harus dilihat sebagai satu bentuk pelaburan masa depan untuk ketahanan pembangunan negara di era masyarakat terbuka. Sehubungan dengan itu, usaha ini perlu dijayakan bersama. Antaranya ialah dengan mengukuhkan budaya ilmu dalam kalangan belia. Belia perlu memperoleh pendidikan formal sehingga peringkat tinggi. Di samping itu, ruang dan pendidikan tidak formal juga perlu diperluas. Semangat 'menuntut ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad' perlu ditingkatkan. Kreativiti dan inovasi hanya akan terbina menerusi proses pengupayaan dunia pengetahuan belia. Langkah lain ialah dengan memperluas pendedahan mengenai realiti perkembangan dunia yang berkembang.

Generasi belia disarankan menceburi bidang perniagaan, pertanian, dan juga sektor kemahiran yang menjanjikan pendapatan dan kehidupan yang baik pada masa hadapan. Belia Melayu, umumnya digalakkan menceburi ketiga-tiga bidang, iaitu perniagaan, pertanian dan kemahiran serta tidak hanya bergantung kepada kerajaan semata-mata. Pemikiran sedemikian hendaklah diubah untuk menjadi seorang belia yang kreatif dan inovatif untuk membangunkan negara.

BIBLIOGRAFI

- Amir H. Baharuddin. 1982. *Urusan Perniagaan*. Batu Caves Mutiara Grafik.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. 1999. *Kursus Berfikir untuk Kolej dan Universiti*. Kuala Lumpur : Lohprint Sdn. Bhd.
- Crow & Crow. 1983. *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- De Bono E. 1970. *Literal Thinking : Creativity Step by Step*. New York : Harpal and Row.
- D.N Johnson. 1948. *Essentials of psychology*. New York Mc Graw Hill Book Company.

Februari, 2010. *Teknologi Pertanian dan Belia. Sejauh Manakah Penglibatan Belia Terhadap Teknologi Pertanian dan Cabarannya*. Diperoleh pada 27 Oktober 2010 daripada <http://belia2010.blogspot.com>

Hussaini Amran. Mac 2007. *Teknik Kimpalan Arka*. Diperoleh pada 28 Oktober 2010 daripada utusanN9@utusan.com.my

Jabir Qamihah. 1996. *Nilai-nilai Islam Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Julai 11, 2007. *Pembangunan Belia*. Diperoleh pada 27 Oktober 2010 daripada <http://belia-malaysia.blogspot.com/2007/07.definisi-belia.html>

K. Morgan. 2002. *Perdagangan* Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.

Leonard M.S.Young & Chia Chee Fen. 1994. *Pemikiran Kekreatifan*. Ipoh. Chee leong Press Sdn Bhd.

Loo Chee Kuang. 1992. *Perdagangan*. Batu Caves : Mutiara Grafik.

Mohd. Yusuf Hasan. 2007. *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Muhamad Razak Idris. *Membina Belia Kreatif dan Inovatif*, tersiar di Berita Harian, 26 Mei 2010 diperoleh pada 26 Oktober 2010 daripada <http://razak.wordpress.com/2010/06/01>

Muhammad Ismail Mustari. 2007. *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur : Kementerian Belia dan Sukan.

Mahmud Muhammad Babilily. 1988. *Dari Kaca Mata Islam* . Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd.

Sept 2009. *Persepsi Belia Terhadap Prospek dan Potensi 'Farming Contract' di Malaysia*. Diperoleh pada 15 Oktober 2010 daripada http://www.ipsas.upm.edu.my/bm_belia_pemajuan.html

Siti Khariah Mohd. Zubir. 2008. *Citra Wanita dalam Novel Melayu*. Tanjung Malim : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Syed Omar Syed Agil Al-Attas. 1995. *Wawasan Pembangunan Negara Tahun 2020, Pengindustrian, Moral dan Keilmuan*. Kuala Lumpur : Institut Perkembangan Minda (INMIND).

S.C.Parker. 1920. *Method Of Teaching In High School*. Boston: Grinn and Company.

Utusan Malaysia, 19 Mac 2001. *Mengenal Perniagaan Sistem Francais*. Diperoleh pada 28 Oktober 2010 daripada <http://skypin.tripod.com/ekon/ekon10.html>

Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris. 2004. *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesinambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zahrawi Ayu. Ogos, 2010. *IKS Digalakkan guna ICT Tingkatkan Perniagaan-Exco Negeri*. Diperoleh pada 27 Oktober 2010 daripada <http://gegarkelantan.net>

Zakiah Hanum.1992. *Wanita cabaran dan kesungguhan* Lumpur:Utusan Print Corp.Sdn Bhd.

Profil Penulis

Siti Khariah Mohd Zubir, Ph.D
Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Fakulti Bahasa
Universiti Pendidikan Sultan Idris
khariah@fb.upsi.edu.my

PENGGUNAAN KONSEP GENERASI Y DI MALAYSIA

GEORGE LIM SHYUN JEN & LEE YOK FEE

ABSTRAK

Di Malaysia, bilangan penduduk kategori belia dianggarkan mencatat hampir separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk di negara ini, iaitu sebanyak hampir 10.73 juta orang atau 40.0% pada tahun 2010. Jumlah yang banyak ini menjadikan proses pembangunan belia di Malaysia satu cabaran yang begitu besar jika dibandingkan dengan beberapa dekad dahulu. Setiap tahun, kerajaan Malaysia akan memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi menjalankan dan menjayakan usaha-usaha pembangunan belia di negara ini. Namun begitu, mengikut Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, belia di Malaysia terdiri daripada mereka yang berumur lebih daripada 15 tahun dan kurang daripada 40 tahun yang mana polisi-polisi serta program-program yang telah ditetapkan adalah berdasarkan skop yang besar ini dan ia kemungkinan besar adalah tidak begitu sesuai digunakan lagi pada masa kini. Seiring dengan perkembangan zaman, pentafsiran belia di Malaysia seharusnya juga berubah mengikut zaman dan kesesuaian penggunaannya. Kini, Generasi Y merupakan satu isu yang seharusnya mendapat perhatian dan pengetahuan pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia. Konsep Generasi Y tidak asing lagi bagi negara-negara barat seperti Amerika Syarikat namun di Malaysia ia masih kurang jelas definisinya dan jarang mendapat perhatian daripada pelbagai pihak. Maka, kertas ini bertujuan membincangkan latar belakang konsep Generasi Y dan meninjau persamaan ciri-ciri belia di Malaysia dengan konsep tersebut.

Kata Kunci : *Belia, Belia Malaysia,; Generasi Y, Globalisasi, Pembangunan Belia*

ABSTRACT

In Malaysia, statistically, the number of youth is increasing tremendously and it has achieved almost half of population of the country. In the second decade of the twenty-first century, there are approximately 10.73 million or 40.0% Malaysians are in the category of youth. This huge number has caused Malaysian government to put the development of the youth as priority and spend huge sum of money to implement the development programs for the

youth. However, as stated in the Youth Societies and Youth Development Act 2007, youth is defined as a person not less than fifteen years and not more than forty years old, and thus, all policies and program were designed to cater this wide range of age yet this concept of youth may not be suitable anymore in the current social development. There are numerous terminologies created along the development of knowledge to describe who the youth are. Currently, the emergence of the concept of Y Generation is one of the issues, which is being discussed in the studies of youth. The concept of Y Generation has been commonly used in the western countries, especially in the United State but it has not been studied extensively by the local scholars and it is hardly being discussed by many youth development agencies in Malaysia. In view of the process of globalization are experienced by almost all nations in the world, the usage of the concept is worth to be understood in Malaysian's context too. Thus, this paper aims to discuss the background of the concept of Y Generation and to compare it to the characteristics of the local Malaysian Youth.

Keywords : *Youth, Malaysian Youth, Y Generation, Globalization, Youth Development*

PENGENALAN

Dalam usaha mencapai status negara maju pada tahun 2020 yang selaras dengan Wawasan 2020, Malaysia telah berusaha dengan giatnya untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi membangunkan modal insan di negara ini. Revolusi idea yang dicetuskan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi telah menegaskan negara kita agar lebih menekankan usaha membangunkan modal insan sebagai landasan kecemerlangan generasi masa depan terutamanya belia di negara ini.

Dengan jumlah penduduk di Malaysia yang telah mencecah 27.6 juta orang pada tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010), Malaysia kini sedang menghadapi cabaran dan tekanan yang lebih besar jika dibandingkan dengan dahulunya. Tambahan pula, Malaysia merupakan salah sebuah negara membangun yang bersaing dengan negara-negara ASEAN khususnya dan amnya dengan negara-negara antarabangsa yang lain pada Abad ke-21 ini. Persaingan ini menjadi lebih sengit lagi apabila Malaysia juga harus berdepan dengan arus globalisasi pada zaman teknologi moden kini.

Hal ini seterusnya telah mengesakan Malaysia bertindak pantas dan lebih gigih lagi dalam usaha melabur dan membina modal insan di negara ini bagi menghadapi cabaran-cabaran yang bakal dihadapi. Berturutan dengan ini, belia di Malaysia menjadi begitu penting sekali dalam usaha kerajaan Malaysia membangunkan negara dan membina bangsa yang mampu menerajui negara pada masa depan. Belia pada masa kini telah diberikan tanggungjawab yang lebih berat jika dibandingkan dengan generasi dahulu. Mereka perlu bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang lebih mencabar pada masa akan datang.

Belia merupakan aset insani Malaysia yang memainkan peranan paling penting dalam usaha kerajaan Malaysia untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang maju, cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang tahun 2020. Daripada jumlah penduduk Malaysia yang ada pada masa sekarang, belia dianggarkan mencatat hampir separuh daripada jumlah penduduk di negara ini. Kini, menurut unjuran Unit Perancangan Ekonomi, jumlah belia di Malaysia dijangka mencapai 10.73 juta orang, iaitu hampir 40.0% daripada jumlah keseluruhan penduduk warganegara di Malaysia pada tahun 2010 (Jabatan Statistik Negara, 2010).

Bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020 dan membina sebuah negara maju di mana bangsa-bangsanya mampu bersaing dengan negara-negara lain di mata dunia, kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM5,461.5 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) (Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010) bagi menjalankan dan menjayakan usaha-usaha pembangunan belia di negara ini. Peruntukan ini merupakan sejumlah wang yang begitu banyak sekali dan ini juga menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai hasrat yang begitu tinggi terhadap belia di negara ini. Golongan inilah yang dikatakan bakal menerajui harapan Malaysia dan menjadi tunggak negara pada masa depan. Namun begitu, wujudnya satu persoalan yang tidak seharusnya diabaikan oleh kerajaan dan masyarakat, iaitu adakah takrifan belia yang diamalkan oleh Malaysia sekian lama ini masih sesuai digunakan pada zaman globalisasi kini?

LATAR BELAKANG KONSEP BELIA DI MALAYSIA

Di Malaysia, belia ditakrifkan sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan, 2007) manakala Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

(PBB) mentafsirkan belia terdiri daripada mereka yang berumur antara 15 tahun hingga 25 tahun (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, 2006*). Pertubuhan Komanwel pula mengkategorikan belia sebagai mereka yang berumur antara 15 tahun hingga 29 tahun (*Commonwealth Youth Program, Strategic Plan, 2003-2006*).

Persoalan timbul apabila Malaysia masih mentakrifkan belia di negara ini sebagai mereka yang berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun meskipun zaman kini sudah banyak berubah. Kehidupan belia pada hari ini adalah amat berbeza dengan generasi beberapa dekad dahulu. Mereka kini menghadapi pelbagai cabaran yang lebih mencabar jika dibandingkan dengan apa yang telah ditempuhi oleh generasi dahulu (*Utusan Malaysia Online, 2010*). Seiring dengan perkembangan zaman, Malaysia seharusnya mempertimbangkan dengan lebih mendalam dan teliti terhadap isu takrifan belia yang sedia ada di negara ini. Adakah kategori belia di Malaysia pada masa kini masih sesuai digunakan dengan sepenuhnya?

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum, budaya, agama dan bahasa. Kepelbagaian ini telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang begitu unik di dunia ini. Begitu juga dengan belia di negara ini di mana mereka juga terdiri daripada generasi-generasi yang berbeza seiring dengan perkembangan zaman. Generasi-generasi yang berbeza ini merupakan faktor utama kepada pembentukan jati diri, persepsi dan cara pemikiran di kalangan belia di Malaysia. Setiap generasi mempunyai keistimewaan dan perbezaannya yang tersendiri. Ini sebabnya kenapa istilah-istilah seperti Baby Boomer, Generasi X dan Generasi Y wujud pada zaman sekarang.

Dalam proses mencapai negara maju bukan sahaja dari segi fizikal tetapi kerohanian menjelang tahun 2020, Malaysia kini menghadapi pelbagai masalah yang kompleks di mana masalah tersebut wujud dalam pelbagai aspek, bentuk dan tahap. Pelbagai langkah-langkah pencegahan telah dilakukan dan polisi-polisi digubal oleh kerajaan Malaysia bagi menghadapi cabaran-cabaran ini terutamanya terhadap belia di negara ini. Hal ini kerana belia sering diperkaitkan dengan isu-isu ini dan ia membimbangkan sesetengah pihak kerana belia merupakan aset Malaysia yang sangat penting untuk pembangunan negara pada masa depan.

Namun begitu, adakah langkah-langkah pencegahan serta polisi-polisi yang dibuat oleh kerajaan Malaysia ini sesuai untuk belia pada masa

kini? Adakah sesuatu polisi itu dibuat hanya berfokus kepada belia dalam lingkungan umur tertentu atau belia yang berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun secara keseluruhan? Jika ianya digubal untuk belia secara keseluruhan, maka wujudnya satu persoalan lagi, iaitu adakah polisi yang sesuai untuk belia berumur 40 tahun itu juga sesuai digunakan ke atas belia yang berumur 15 tahun? Baru-baru ini, istilah Generasi Y sering diperkatakan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Apakah sebenarnya Generasi Y ini? Sejauh manakah Malaysia memahami istilah ini dan sejauh manakah kesesuaian penggunaan konsep ini di Malaysia? Bahagian seterusnya akan meninjau persoalan-persoalan tersebut.

DEFINISI GENERASI Y

Pada umumnya, Generasi Y atau Gen Y, juga digelar sebagai 'millennials'. Ia merupakan satu terminologi yang digunakan untuk menyifatkan orang yang dilahirkan selepas Generasi X, atau Gen X. Menurut Jeremy dan Terrie (2009), Generasi Y merupakan golongan muda yang lahir antara tahun 1982 hingga tahun 2003. Namun begitu, mengikut M. Jane Heinig (2009), Generasi Y pula adalah golongan muda yang dilahirkan di antara tahun 1980 hingga 2005. Di samping itu, Generasi Y juga didefinisikan sebagai generasi yang lahir dalam lingkungan tahun 1982 hingga 2000 (McCrinkle, 2006). Terdapat juga sesetengah pihak yang berpendapat bahawa Generasi Y ini merupakan golongan individu yang lahir di antara tahun 1979 hingga tahun 2000 (Stefaniak & Vetter, 2007). Sekiranya melihat definisi-definisi yang diujahkan oleh para sarjana kajian belia di atas, penekanan definisi Generasi Y adalah pada tahun kelahiran. Walaupun sehingga hari ini masih tidak terdapat satu definisi yang tetap, namun kita dapat membuat satu kesimpulan bahawa Generasi Y ini merupakan golongan muda yang lahir di antara tahun 1980 sehingga tahun 2005.

Selain daripada tahun kelahiran merupakan salah satu elemen penting dalam definisi Generasi Y, satu lagi elemen penting untuk definisi Generasi Y ialah pengaruh Internet. Generasi Y merupakan golongan muda yang diperbesar dan disosialisasikan dalam persekitaran Internet. Sejak mereka dilahirkan, mereka diiringi dengan perkembangan teknologi informasi yang pesat. Dalam proses sosialisasi, sama ada formal atau informal, kehidupan mereka dikait rapat dengan penggunaan komputer dan layaran Internet. Peluang mengakses Internet adalah mudah diperoleh dan masa yang digunakan untuk melayari sesawang Internet adalah panjang. Mereka dapat memperoleh

maklumat dengan begitu pantas dengan hanya memerlukan satu klik sahaja. Dalam keadaan begini, mereka dapat melintasi segala sempadan dan menerima pelbagai jenis informasi terkini dari seluruh dunia dengan mudahnya. Malangnya, maklumat yang ada dalam Internet itu bukan semuanya ditapis isi kandungannya dan sesuai untuk diakses oleh golongan muda ini. Selain daripada golongan ini disifatkan mahir dalam penggunaan Internet, aktif menggunakan 'Facebook' atau 'Twitter' dan suka memiliki 'telefon pintar' seperti 'iPhone', mereka juga disifatkan sebagai berani, terburu-buru dan berkemampuan bekerja dengan cara multitasking (PricewaterhouseCooper 2009). Lantaran itu, Generasi Y ini merupakan golongan yang seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya oleh pelbagai pihak bagi memahami nilai-nilai yang ada pada mereka dan juga keperluan-keperluan mereka (Time, 2007).

Ringkasnya, Generasi Y merupakan golongan muda yang lahir dalam era ICT yang begitu canggih. Mereka banyak terdedah kepada teknologi canggih dan media sosial dalam kehidupan seharian mereka. Sejak kelahiran mereka sehingga hari ini, mereka mempunyai interaksi yang lebih kerap dengan teknologi yang ada pada hari ini dan kebanyakan mereka mempunyai akses kepada *Internet* sepanjang kehidupan mereka (M. Jane Heinig, 2009). Golongan ini merupakan golongan yang lebih peka dan aktif terhadap informasi dan teknologi terkini jika dibandingkan dengan yang sebelumnya.

KONSEP GENERASI Y DAN KESESUAIAN PENGGUNAANNYA DI MALAYSIA

Istilah Generasi Y bukan sesuatu yang perlu dihairankan lagi di luar negara, terutamanya Amerika Syarikat. Kenyataan ini tidak asing lagi bagi penduduk-penduduk di negara tersebut kerana penggunaannya yang begitu luas. Sungguhpun demikian, istilah ini masih tidak biasa lagi digunakan di Malaysia dan jarang difahami oleh masyarakat di negara ini. Definisi Generasi Y ini masih kurang jelas di Malaysia dan ia memerlukan penyelidikan-penyelidikan yang lanjut. Perbincangan yang lebih kerap dan mendalam perlu dilakukan ke atas istilah dan konsep ini. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menafikan bahawa memang terdapatnya kewujudan golongan ini di Malaysia.

Di Malaysia, belia memainkan peranan penting sebagai tunggak negara pada masa akan datang. Belia dalam Generasi Y akan memainkan peranan yang penting dalam pasaran ekonomi. Menurut laporan survei yang

dihasilkan oleh sebuah syarikat multi-nasional yang terkenal di Malaysia, iaitu PricewaterhouseCoopers (PwC) (2009), lebih kurang 62 peratus daripada tenaga kerjanya dalam syarikat di Malaysia adalah belia Generasi Y. Dengan itu, syarikat tersebut telah melihat pemahaman tentang profil dan kecenderungan penglibatan belia Generasi Y dalam ekonomi adalah sesuatu yang mustahak dan perlu dikaji dengan teliti, khususnya untuk tujuan pengurusan sumber tenaga syarikatnya. Maka, peranan belia Generasi Y dalam isu pembangunan negara dan pembinaan bangsa di negara ini tidak boleh dipertikaikan lagi. Namun, belia kini menempuhi cabaran yang lebih besar berbanding dengan generasi-generasi beberapa dekad dahulu kerana mereka terdedah dengan dunia ICT dan arus globalisasi sejak kelahiran mereka. Keadaan ini juga menyebabkan belia hari ini digelar sebagai generasi ICT atau Net Generation.

Belia di Malaysia pada hari ini juga dikatakan sebagai golongan yang lebih memberi pengaruh dan memainkan peranan yang lebih penting pada masa hadapan. Hal ini disebabkan mereka dilahirkan tepat pada zaman teknologi di mana dunia ini sedang mengalami perubahan yang besar dari segi teknologi dan informasi. Perkembangan teknologi dan informasi yang pesat pada ketika itu telah menyebabkan dunia mengalami transformasi dari dunia industri kepada dunia teknologi informasi. Lantas itu, manusia mula bergerak masuk ke satu era yang baharu iaitu era globalisasi yang mana kebanyakan kehidupan seharian kita bergantung kepada alat teknologi moden.

Dengan adanya perkembangan teknologi dan informasi yang pesat dan canggih pada hari ini, manusia boleh memperoleh segala maklumat dan informasi yang diingini dengan sekelip mata sahaja. Pada tahun 2010, dijangkakan pengguna Internet di Malaysia akan mencecah 64.6% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negara ini (Internet World Stats, 2010). Memandangkan belia di Malaysia mencatat hampir separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia, maka belia boleh dianggap sebagai golongan yang lebih peka dan aktif dalam dunia ICT jika dibandingkan dengan golongan masyarakat yang lain.

Seperti yang dibincangkan di atas, Generasi Y merupakan golongan yang lahir dalam dunia arus teknologi di mana dunia mereka berasaskan kepada teknologi dan informasi terkini. Perkembangan teknologi dan informasi yang pesat pada hari ini telah membentuk golongan ini menjadi generasi yang lebih beradaptasi tinggi dalam era globalisasi berbanding dengan generasi sebelum mereka. Pergantungan golongan ini terhadap teknologi juga jauh lebih tinggi daripada golongan individu yang bukan dari kategori Generasi Y.

Media sosial merupakan satu budaya baru yang dicetuskan melalui revolusi *Internet* bagi generasi muda untuk berkomunikasi dan berinteraksi sesama sendiri pada masa kini. Walaupun Internet semakin berkembang pesat pada era teknologi masa kini, namun pengetahuan tentang revolusi baru ini masih tidak meluas dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Rentetan daripada itu, kerajaan dan masyarakat Malaysia seharusnya menitikberatkan dan cuba menghayati budaya baru Generasi Y ini agar dapat mengurangkan jurang hubungan mereka dengan golongan muda ini (Media sosial tarikan generasi muda, 2009).

Proses membangunkan belia bukanlah suatu usaha yang mudah tetapi sebaliknya ia memerlukan satu perancangan strategik sama ada yang bersifat jangka masa panjang mahupun jangka masa pendek. Kita sering menggunakan ungkapan bahawa belia adalah pewaris negara atas kesedaran bahawa masa depan negara adalah bergantung kepada generasi belia pada masa kini. Lantaran itu, banyak usaha dan kewangan telah dicurahkan untuk memberi peluang kepada generasi muda ini membuat persediaan mewarisi negara ini (Fathul Razi, 2007).

Di Malaysia, belia sering diberi tumpuan yang besar oleh kerajaan mahupun penyelidik tempatan. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan dana yang begitu banyak dalam usaha membangunkan belia di negara ini, malah banyak penyelidikan-penyelidikan juga telah dijalankan ke atas golongan ini. Namun begitu, kerajaan Malaysia telah mengabaikan kewujudan serta kepentingan istilah dan konsep Generasi Y yang telah lama menjadi satu isu hangat diperbincangkan di luar negara terutamanya negara-negara barat.

Pembangunan belia di Malaysia masih dianggap sebagai satu isu yang ringan dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pelbagai pihak walaupun kita tahu bahawa isu ini merupakan isu yang penting dalam pembangunan negara (Samsudin, 2005). Apatah lagi isu Generasi Y ini masih merupakan isu yang baru di negara kita dan masyarakat Malaysia masih kurang pengetahuan tentang generasi ini.

Isu Generasi Y dan kepentingan peranan mereka di negara-negara barat amat dititikberatkan oleh kerajaan dan masyarakat tempatan manakala di Malaysia ia masih kurang mendapat perhatian daripada kerajaan dan masyarakat di negara ini. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, definisi Generasi Y di Malaysia masih belum jelas lagi. Istilah dan konsep Generasi Y ini masih memerlukan sedikit masa untuk masyarakat Malaysia memahami dan menerimanya.

Kerajaan Malaysia serta para penyelidik tempatan seharusnya membuat lebih banyak penyelidikan ke atas isu Generasi Y. Ini menepati dan selaras dengan perkembangan zaman moden kini di mana Malaysia juga sedang mengalami perubahan pesat dari segi teknologi dan informasi. Tambahan pula, belia di Malaysia juga mempunyai beberapa ciri-ciri yang terdapat pada Generasi Y seperti yang telah dijelaskan. Oleh itu, konsep Generasi Y dan kesesuaian penggunaannya di Malaysia seharusnya menjadi satu isu yang hangat diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin negara, pembuat dan pelaksana dasar, para penyelidik serta masyarakat di Malaysia.

Selama ini, penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh para penyelidik tempatan hanya berfokus kepada belia secara keseluruhan iaitu golongan yang berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun di Malaysia. Usaha-usaha yang dilakukan, polisi-polisi yang digubal serta program-program yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia juga hanya bertumpu kepada pembangunan belia secara keseluruhan dan bukannya berfokus kepada generasi-generasi tertentu. Kita sering mengabaikan kewujudan dan kepentingan peranan Generasi Y di negara ini.

Kerajaan dan masyarakat Malaysia sering mengungkapkan bahawa belia merupakan tunggak negara dan pewaris kepimpinan serta pentadbiran negara pada masa hadapan. Namun begitu, melihat kepada apa yang dilakukan buat masa sekarang, adakah semua ini sesuai dan menepati ciri-ciri yang ada pada belia zaman sekarang terutamanya golongan belia yang diperkatakan mempunyai ciri-ciri yang sama dengan Generasi Y? Persoalan ini adalah sangat penting dan memerlukan perhatian dari kerajaan dan masyarakat Malaysia.

Seiring dengan perkembangan semasa, kerajaan Malaysia seharusnya merangka langkah-langkah yang sewajarnya dalam usaha-usaha mendidik dan membangunkan golongan belia yang diperkatakan mempunyai ciri-ciri Generasi Y. Hal ini adalah penting kerana Generasi Y mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri dan ini amat berbeza dengan generasi-generasi yang bukan dari kategori Generasi Y. Cara pendidikan dan penyampaian kepada golongan belia ini seharusnya dibuat khas untuk mereka dan bukannya berdasarkan kepada belia secara keseluruhan.

Kepemimpinan memainkan peranan yang penting dalam menentukan corak dan arus kemajuan masyarakat. Maju dan mundurnya sesebuah masyarakat ditentukan oleh kepemimpinan kerajaan negara tersebut (Mansor, Khairul & Shamsaadal, 2008). Generasi Y di Malaysia seharusnya dipimpin

dan dididik dengan baik. Ini kerana generasi ini merupakan tunggak pembangunan Malaysia pada masa depan. Oleh itu, kepemimpinan menjadi kunci kepada kelahiran golongan muda ini yang berdasarkan ilmu pengetahuan dan mempunyai persepsi serta nilai-nilai yang positif.

Selain itu, kerajaan Malaysia juga seharusnya menggubal polisi-polisi dan menjalankan program-program yang khas untuk Generasi Y di negara ini. Polisi-polisi dan program-program yang telah ditetapkan sebelum ini seharusnya dirujuk balik dan dipertimbangkan kesesuaian penggunaannya terhadap belia di Malaysia pada zaman kini. Hal ini demikian kerana polisi-polisi dan program-program yang sedia ada pada masa sekarang mungkin tidak sesuai digunakan lagi ke atas belia hari ini.

Di samping itu, ini juga merupakan masa yang paling sesuai bagi kerajaan Malaysia dan para penyelidik tempatan untuk lebih memahami dan mengambil berat isu-isu yang berkaitan dengan Generasi Y di negara ini. Sudah sampai masanya kerajaan Malaysia dan para penyelidik tempatan membuka minda masing-masing supaya menjalankan penyelidikan-penyelidikan yang sewajarnya ke atas Generasi Y di negara ini dan bukannya hanya berfokus kepada belia secara keseluruhan kerana kita seharusnya juga berkembang mengikut rentak perkembangan dunia semasa dalam bidang pengajian sosiologi supaya tidak ketinggalan.

Jika dilihat dari segi perkembangan masa sedunia, Generasi Y ini akan mengambil alih peranan-peranan penting di Malaysia pada masa 10 tahun akan datang. Mereka merupakan golongan yang amat berpotensi untuk bakal menggantikan pemimpin-pemimpin sekarang dalam menerajui dan memimpin Malaysia pada masa akan datang. Lantas itu, konsep Generasi Y seharusnya diperkenalkan di Malaysia kerana ia dianggap sesuai digunakan di negara ini seiring dengan perkembangan Malaysia dalam arus globalisasi kini.

KESIMPULAN

Dalam usaha membawa Malaysia ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, pembangunan modal insan telah menjadi salah satu tanggungjawab yang penting bagi semua pihak sama ada kerajaan ataupun masyarakat di negara ini. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan belanjawan yang begitu banyak dalam usaha pembangunan modal insan ini terutamanya belia di Malaysia. Rentetan itu, pengenalan konsep Generasi Y di Malaysia merupakan satu

langkah yang sewajarnya kerana ia dapat membantu kerajaan Malaysia dalam menjayakan lagi usaha-usaha pembangunan belia dan penggubalan polisi-polisi khas serta menentukan program-program khas yang lebih sesuai untuk belia mengikut perkembangan zaman kini.

Selain itu, penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan isu-isu Generasi Y seharusnya dilakukan bagi meluaskan pengetahuan masyarakat di Malaysia agar mereka lebih memahami dan mendekati golongan muda ini. Ini adalah penting bagi memastikan Generasi Y yang wujud di Malaysia ini mempunyai persepsi yang positif, personaliti yang baik, berilmu pengetahuan dan maju progresif kerana mereka merupakan golongan muda yang diberi harapan dan amanah untuk meneruskan dan merealisasikan matlamat negara. Sungguhpun Malaysia bakal menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar berkaitan dengan isu-isu Generasi Y, namun sudah pastinya Malaysia telah bersedia untuk menghadapinya dengan penuh ketabahan dan kegigihan.

BIBLIOGRAFI

- Commonwealth Youth Program, Strategic Plan; Commonwealth Youth Program, Commonwealth Secretariat, 2003-2006.*
- Fathul, R. 2007. *Pengalaman Mengurus Pembangunan Belia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Pembangunan Belia Meneroka Generasi 2057, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Hart, Karen .A. 2006. Generations in the workplace: Finding common ground. *Medical Laboratory Observer*. Dimuat turun pada 8.Mac.2011 di <http://www.allbusiness.com/primary-metal-manufacturing/foundries-nonferrous/4019819-1.html>.
- Malaysia Internet Usage Stats and Marketing Report. 2010. *Internet World Stats: Usage and Population Statistics*. Dimuat turun pada 8 Mac 2011 di <http://www.internetworldstats.com/asia/my.htm>
- Jeremy, C.S. & Terrie, C.R. 2009. The Graphic Novel: A “Cool” Format for Communicating to Generation Y. *Business Communication Quarterly*. 72(4): 414-430.

- Jabatan Statistik Malaysia. 2010. *Profil Penduduk Malaysia*.
- M. Jane Heinig. 2009. Breastfeeding Promotion for Generation X and Y: Why the Old Ways Won't Work. *Journal of Human Lactation*. 25(3): 263-265.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 2007. *Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007*. Undang-undang Malaysia.
- Mansor M.N., Khairul A.M.S. & Shamsaadal S.S. 2008. *Pemikir April-Jun 2008: Politik Baru Di Malaysia*. Razak-Mahathir meneruskan legasi kepemimpinan pembangunan negara, pp. 133-152. Kuala Lumpur: Utusan Karya.
- McCrinkle, M. & Hooper, D. 2006. *Generation Y: Attracting, Engaging and Leading a New Generation at Work*. Hobart: Drake International.
- Media sosial tarikan generasi muda*. December 9, 2009. Dimuat turun pada 8 Mac 2011 di http://pembina.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=325:media-sosial-tarikan-generasi-muda&catid=11:isu-semasa&Itemid=45.
- Penelope T. Global Business: What Gen Y Really Wants. *Time*, July 5, 2007.
- PricewaterhouseCoopers. 2009. *Malaysia's Gen Y unplugged: A 2009 PricewaterhouseCoopers survey on millennials at work*. Dimuat turun pada 8 Mac 2011 di www.pwc.com/en_MY/my/assets/publications/gen-y.pdf.
- Rohana, M. Lahirkan Belia Kreatif, Berinovasi. *Utusan Malaysia Online*, May 13, 2010.
- Samsudin A.R. 2005. Realiti Generasi Muda: Melangkah Ke Hadapan. *Pembangunan Belia: Realiti, Cabaran dan Menuju Ke Hadapan* (pp. 1-10). Selangor: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Stefaniak, A. & Vetter, C. 2007. Understanding the Generation Gap in Today's Workplace. *Policy Perspectives*.

United Nations. 2006. *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*; Dimuat turunkan pada 4 April 2007 di www.mlo-online.com.

Profil penulis

George Lim Shyun Jen
Pelajar Pasca-siswazah
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Lee Yok Fee, Ph.D
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putera Malaysia
leeyokfee@putra.upm.edu.my

PEMBANGUNAN BELIA POSITIF DALAM PROGRAM KEM RAKAN MUDA JIRAN MUDA

WASITAH HJ. MOHD YUSOF & MOHD ROSLAN ROSNON

ABSTRAK

Kajian ini menjelaskan penerapan elemen pembangunan belia positif dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian Program Kem Rakan Muda Jiran Muda. Pembangunan Belia Positif merupakan satu pendekatan yang memberikan keutamaan kepada golongan muda dengan memfokuskan kepada aset golongan muda seperti kapasiti, kekuatan dan keperluan pembangunan golongan muda dan bukan kepada kekurangan mereka seperti faktor risiko, tingkah laku negatif dan menimbulkan masalah. Justeru dalam kajian ini bertujuan untuk meninjau kedapatan elemen pembangunan belia positif dalam proses perancangan program Kem Rakan Muda Jiran Muda. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual mendalam, pemerhatian turut serta dan juga perbincangan kumpulan berfokus. Seramai 14 orang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pegawai-pegawai dari peringkat perancangan, pelaksana dan penilai. Lokasi kajian adalah di sekitar kawasan Johor, Pulau Pinang dan Kelantan. Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan bertujuan. Constants Comparative Analysis digunakan bagi menganalisis dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kewujudan elemen pembangunan belia positif di peringkat perancangan dan pelaksanaan. Hal ini memberikan satu gambaran fenomena baru dalam perancangan program pembangunan belia dengan menitikberatkan aktiviti pencegahan dalam pembangunan belia supaya pembangunan belia hari ini seimbang dari pelbagai segi yang menumpukan kepada penyerlahan potensi belia masa kini. Pembangunan belia positif menekankan persediaan yang menyeluruh bagi golongan muda untuk berjaya dalam memberi sumbangan mereka sebagai individu yang dewasa daripada memfokuskan kepada memastikan golongan muda tidak terlibat dalam tingkah laku yang berisiko. Implikasinya, melalui pembangunan belia positif, belia hari ini dapat mengembangkan potensi mereka dan juga secara tidak langsung ia dapat membentuk satu komuniti belia yang lebih baik dan holistik.

Kata Kunci : *Pembangunan Belia Positif, Belia, Perancangan, Program Kem Rakan Muda Jiran Muda*

ABSTRACT

This paper describes the implementation of positive youth development elements in the planning, implementation and evaluation of Kem Rakan Muda Jiran Muda Programme. Positive Youth Development is an approach that gives priority to young people by focusing on youth assets, such as capacity, strengths and development needs of young people and not to their lack of risk factors, and negative behavior problems. Hence this study aims to explore the availability of the elements of youth development in the planning process of Kem Rakan Muda Jiran Muda Programme. The study was conducted using qualitative techniques in depth interviews, participating observation and focus group discussion. A total of 14 people involved in this study consisted of officials from the planning stage, planner and appraisal. The study was carried around the area of Johor, Penang and Kelantan. Sampling techniques used are intended sampling. Comparative Analysis Constants is used to analyze the findings. The findings indicate that the existence of elements of positive youth development at the planning and execution. This provides a description of a new phenomenon in the youth development program planning, which emphasizes on prevention activities in youth development to the youth development today from various areas of the balanced focus on highlighting the potential of today's youth. Positive youth development emphasizes thorough preparation for young people to succeed in their contribution as adults than individuals who focus on ensuring that young people do not engage in risky behaviors. The implication, through positive youth development, today's youth to develop their potential and also indirectly to form a better youth community and holistic.

Keywords : *Positive Youth Development, Youth, Planning, Kem Rakan Muda Jiran Muda Programme*

PENGENALAN

Peringkat remaja adalah merupakan satu tahap penting dalam perkembangan manusia kerana merupakan transisi di antara alam kanak-kanak dan alam dewasa. Di peringkat ini, berlaku perubahan dari aspek fizikal iaitu perubahan jasmani serta kematangan seksual dan aspek sosial, iaitu usaha untuk mendapatkan autonomi daripada ibu bapa dan ingin mencari identiti sendiri (Pomber, 1990). Dalam proses mencapai negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia kini menghadapi pelbagai masalah yang kompleks berkaitan dengan kehidupan remaja seperti isu moral, jenayah, hubungan etnik, masalah keluarga, kesan globalisasi dan gejala negatif yang lain (Lee & Sarjit, 2008).

Pada hari ini pembangunan belia lebih memfokuskan kepada elemen merawat bagi permasalahan belia yang berlaku. Aspek pencegahan sering diabaikan dalam melaksanakan pembangunan belia di Malaysia. Pelbagai aktiviti program belia dilaksanakan seperti PROSTAR, Rakan Muda, Program Latihan Khidmat Negara dan sebagainya yang menjadi aktiviti bagi merawat masalah sosial yang telah wujud di Malaysia. Program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh kerajaan ini bermatlamat untuk mewujudkan teras pembangunan belia dengan mengupayakan golongan tersebut melalui akses kepada pendidikan dan latihan (Utusan Malaysia, 2006).

Walaupun pelbagai usaha murni dijalankan oleh pelbagai pihak namun kelemahan pendekatan program pembangunan belia sebelum ini dilihat tidak mendayaupayakan belia sepenuhnya. Mereka tidak dapat membantu belia menyerlahkan potensi yang sedia ada dalam diri mereka. Walaupun program yang dijalankan ke arah membangunkan diri belia namun ia tetap masih dibayangi oleh pendekatan pencegahan, mendisiplinkan serta pemulihan. Oleh itu, pembaharuan dalam pendekatan program yang dijalankan perlu dibuat untuk menangani impak yang lemah ke atas keberkesanan program sebelum ini.

Aktiviti pencegahan perlu dititikberatkan dalam pembangunan belia supaya pembangunan belia seimbang dari pelbagai segi yang menumpukan kepada penyerlahan potensi belia hari ini. Pembangunan belia positif menekankan persediaan yang menyeluruh bagi golongan muda untuk berjaya dalam memberi sumbangan mereka sebagai individu yang dewasa daripada memfokuskan kepada memastikan golongan muda tidak terlibat dalam tingkah laku yang memberi berisiko (Clary, 2005). Justeru, melalui pembangunan belia positif, belia hari ini dapat mengembangkan potensi mereka dan juga secara tidak langsung ia dapat membentuk satu komuniti belia yang lebih baik dan holistik.

Perancangan Program Pembangunan Belia seharusnya menjurus kepada memberikan peluang serta ruang kepada golongan muda untuk menyerlahkan potensi dalaman serta luaran yang ada dalam diri mereka supaya dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Ini adalah kerana mereka juga merupakan modal insan yang berperanan penting sebagai 'rakan kongsi' pembangunan negara. Pendekatan pembangunan modal insan kepada belia tidak hanya menjurus kepada pembangunan intelek tetapi juga perlu merangkumi pelbagai aspek, iaitu pembangunan emosi, sosial dan rohani selaras dengan penekanan oleh YAB Perdana Menteri yang dipetik dalam ucapannya di Dewan Rakyat pada 31 Mac 2006 yang menyatakan bahawa:

“Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi”

PEMBANGUNAN BELIA POSITIF

Menurut *Positive Youth Development Guidance, Department of Health AIDS Institute, New York* dalam Roth (2000), pembangunan belia positif adalah pendekatan, jalan bagi memikirkan tentang golongan muda, fokus kepada aset yang ada pada mereka, iaitu (kapasiti, kekuatan dan keperluan pembangunan dan tidak hanya pada kekurangan (risiko, tingkah laku negatif dan masalah). Pendekatan ini juga adalah untuk mengubah tumpuan dari krisis mental yang hanya menumpukan kepada untuk menghentikan menyelesaikan masalah, dengan membangun strategi terperinci untuk meningkatkan pendedahan golongan muda kepada hubungan positif dan konstruktif serta aktiviti yang mempromosikan kesihatan, tanggungjawab, dan pilihan yang mempunyai pertimbangan.

Justeru Roth (2000) menyimpulkan bahawa pembangunan belia positif sebagai konstruk, iaitu: (1) kecekapan dalam akademik, sosial dan bidang vokasional; (2) keyakinan; (3) hubungan dengan keluarga, komuniti dan rakan sebaya; (4) karakter; dan (5) prihatin dan belas kasihan merupakan elemen penting dalam membentuk aset belia supaya potensi belia mampu diketengahkan. Pembangunan belia positif juga mampu mengurangkan penglibatan belia dalam semua aktiviti berisiko tinggi (Quinn, 1995). Hal ini kerana melalui pembangunan belia positif ia mampu untuk menyerlahkan potensi belia dan menjadi mekanisme pertahanan dalaman untuk menilai sesuatu yang baik atau tidak.

Pembangunan Belia Positif golongan muda memerlukan pembangunan sendiri yang menyeluruh, iaitu memberi perhatian kepada tiga kategori program, iaitu yang berorientasikan aktiviti fizikal, berorientasikan kemahiran dan berorientasikan komuniti (Samsudin 2005). Kajian tentang remaja lazimnya tertumpu kepada permasalahan remaja semasa alam usia mudanya. Remaja sering kali dipisahkan sebagai remaja normal dan remaja bermasalah. Hakikatnya itulah pengkategorian yang dilakukan oleh orang dewasa terhadap remaja. Remaja yang dapat menyesuaikan dirinya dengan persekitaran dan menerima norma sosial yang sedia ada dianggap normal sebaliknya

remaja yang sukar menyesuaikan dirinya dengan persekitaran dan mencabar sesetengah nilai sosial dianggap bertindak devian (Samsudin 2008). Pendekatan Pembangunan belia positif menekankan persediaan yang menyeluruh bagi golongan muda untuk berjaya dalam memberi sumbangan mereka sebagai individu yang dewasa daripada memfokuskan kepada memastikan golongan muda tidak terlibat dalam tingkah laku yang memberi berisiko. Pembangunan belia positif yang dikenal pasti oleh Larson (2000) termasuk kreativiti, kepimpinan, altruistic dan civic engagement. Pembangunan belia positif dilihat sebagai proses berterusan di mana belia berinteraksi dengan persekitaran dan agen positif (seperti belia dan dewasa menyokong pembangunan kesihatan, institusi yang mewujudkan suasana kondusif bagi pertumbuhan, program dan perubahan) bagi mencapai matlamat asas dan aset berharga. Pembangunan Positif Belia didapati merupakan pendekatan yang sesuai kerana ianya tidak hanya memfokuskan kepada mencegah belia daripada terlibat dalam masalah sosial atau mengatasi masalah sosial yang dihadapi oleh golongan belia. Pendekatan ini lebih memfokuskan kepada aspek penyerlahan potensi serta aset yang sedia ada dalam diri belia yang perlu diserlahkan melalui memberi peluang kepada belia terlibat dalam aktiviti yang dapat menampilkan kebolehan serta kecenderungan diri mereka.

Kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk membangunkan belia dapat dilihat dengan jelas dalam RMKe-9, iaitu kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5,461.5 juta bagi pembangunan belia (Kerajaan Malaysia, 2006). Peruntukan ini termasuklah penyediaan pelbagai jenis kemudahan sama ada yang berbentuk fizikal mahupun bukan fizikal bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia. Selain itu, peruntukan tersebut disediakan bagi menggalakkan belia menyertai pembangunan dalam bentuk ekonomi, sosial, nilai, modal insan, penyelidikan dan pembangunan (Samsudin 2007). Penekanan turut diberikan kepada pembangunan modal insan melalui pelaksanaan RMKe-9 yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2006 sehingga tahun 2010 (RMKe-9). Pembangunan belia dilihat sebagai salah satu teras penting di bawah RMKe-9 adalah merupakan kesinambungan dari RMKe-8, yang bermatlamat untuk melengkapkan para belia dengan pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran ekonomi yang pesat dan globalisasi. Tumpuan juga diberi bagi memupuk nilai dan sikap positif serta menanam semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda. Dalam tempoh RMKe-9, Pembangunan modal insan, iaitu golongan belia sebagai satu teras penting akan menekankan aspek berikut:

“Usaha mengupayakan belia bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat, memupuk perpaduan serta membina nusa

dan bangsa. Sehubungan ini, program akan dilaksanakan secara meluas untuk mewujudkan golongan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik serta melengkapkan mereka dengan kemahiran keusahawanan dan pengetahuan. Penekanan juga akan diberi kepada usaha membangunkan individu berwibawa yang mempunyai nilai kerohanian dan moral yang tinggi bagi melahirkan personaliti unggul”.

Kajian ini dilihat sebagai satu inisiatif untuk membuat penilaian semula secara terperinci perencanaan program Kem Rakan Muda Jiran Muda (RMJM) yang telah dijalankan bagi tujuan penambahbaikan aspek yang perlu diberi penekanan terutama dalam dari segi aspek penyerlahan potensi golongan muda yang lebih memberikan impak yang lebih berkesan untuk membangunkan diri belia secara menyeluruh. Bagi mencapai tujuannya, pengupayaan belia RMJM merupakan model yang mampu untuk membangunkan belia secara holistik. Program-program yang dilaksanakan dalam membangunkan belia perlu berasaskan falsafah dan matlamat program yang bersepadu dan tersusun perlu diserlahkan sebagai wadah utama (Azimi, Turiman & Ezhar 2002). Kem Rakan Muda Jiran Muda merupakan program kerjasama bersepadu antara Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri. Hasil daripada keputusan Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet bertarikh 27 April 2005 telah memersetujui Program Rakan Muda Jiran Muda dilaksanakan di seluruh Negara dengan peruntukan sebanyak RM10,451,600.00 bagi melaksanakannya (Kementerian Belia & Sukan, 2010). Oleh itu kerjasama kedua-dua agensi kerajaan ini berganding bahu untuk merealisasikan impian memperkasakan belia melalui program pembangunan belia.

Majlis Pelancaran Program Rakan Muda Jiran Muda (RMJM) telah diadakan di Petaling Jaya, Selangor pada 17 Julai 2005 dan telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Azalina Bt Dato' Othman Said, Menteri Belia dan Sukan Malaysia bersama YB Dato' Maximus Johnity Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebagai projek perintis, Kem RMJM telah dilaksanakan di tujuh buah negeri yang mempunyai kadar permasalahan sosial yang tinggi. Negeri-negeri yang terlibat ialah Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Kelantan, Sarawak dan juga Sabah pada tahun 2005. Seterusnya pada tahun 2006, Kem Rakan Muda Jiran Muda diperluaskan dengan pelaksanaan di setiap negeri seluruh Malaysia. Pelaksanaan program yang terancang hasil dari kerjasama dua agensi berkenaan telah dapat menceriaikan lagi KRT yang sedia ada (Kementerian Belia & Sukan, 2010).

Dalam merealisasikan pembangunan belia yang mampan, program RMJM telah melibatkan komuniti bagi untuk memberi nilai tambah kepada belia. Sesuatu komuniti memainkan peranan dalam menjayakan agenda pembangunan belia kerana belia adalah anggota masyarakat yang merupakan aset negara yang amat berharga. Ini dilakukan dengan sokongan untuk mewujudkan persekitaran yang kukuh dan dapat menyediakan perlindungan kepada belia remaja di tempat mereka dibesarkan dan ini membantu mengurangkan risiko belia dari terjebak dalam beberapa masalah sosial. Pendekatan pembangunan belia positif dilihat berbeza dengan pendekatan lain kerana pendekatan ini lebih memahami semua kehendak golongan muda dalam mencapai peluang membangunkan diri mereka. Ianya dilihat lebih efektif apabila golongan muda menjadi sebahagian daripada sistem komuniti yang menyokong pembangunan peluang yang disediakan untuk golongan muda bagi mengharungi cabaran baru. Di mana mereka akan dapat meningkatkan keyakinan dan kemahiran, membuat keputusan sendiri untuk jangka masa pendek dan panjang serta membuat pilihan bagi memenuhi impian dan matlamat hidup mereka serta mengelak diri mereka dari terjebak dengan anasir yang boleh merosakkan kehidupan mereka (U.S. Department of Health & Human Services, 2009).

Penglibatan langsung komuniti dalam menentukan jenis dan bentuk aktiviti pembangunan juga boleh merangsang semangat kepunyaan (ownership) terhadap projek atau kegiatan yang menjadikan mereka lebih bertanggungjawab dan seterusnya menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu program. Terdapat kajian mencadangkan penglibatan dan penyertaan belia merupakan komponen kunci utama dalam pembangunan komuniti yang juga menghubungkan belia dengan komuniti melalui rekreasi sebagai aktiviti yang membolehkan penyertaan, pengurusan dan pembangunan institusi (Bembry, 1998). Dalam konteks kajian ini penglibatan belia dalam program kem RMJM merupakan salah satu daripada peluang penyertaan belia dalam komuniti mereka melalui aktiviti rekreasi seperti perkhemahan di kawasan kejiranan mereka.

Berdasarkan laporan Kementerian Belia dan Sukan pada 2009, kem RMJM berjaya mencapai matlamat dan objektifnya. Nilai-nilai individu, keluarga dan kemasyarakatan telah dapat diterapkan kepada remaja yang terlibat melalui aktiviti bercorak kemasyarakatan dan seni budaya yang dilalui oleh peserta. Kajian tersebut juga mendapati peserta telah berjaya diterapkan dengan nilai-nilai tambah (value added) melalui pendedahan mereka kepada aktiviti yang bercorak memupuk kemahiran seperti pengucapan awam (public speaking), keyakinan diri dan cara mengurus diri. Aktiviti lasak,

sukan dan kecergasan yang diperkenalkan kepada mereka juga telah berjaya menyemai serta meningkatkan semangat perpaduan, kerjasama, disiplin dan tanggungjawab serta memupuk semangat remaja mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas.

Oleh yang demikian melalui RMJM merupakan satu saluran dalam menerapkan nilai positif kepada generasi muda di peringkat awal usia mereka. Pendekatan pembangunan belia yang seharusnya menyeluruh perlu diterapkan bukan sahaja dari golongan remaja bahkan komuniti sendiri sentiasa mendokong cita-cita untuk menjadikan remaja berguna dan terisi masa lapang mereka. Melalui RMJM ini secara tidak langsung menggalakkan pembangunan komuniti secara total yang selama ini hanya tertumpu kepada membangunkan masyarakat secara am, tetapi tidak berfokus kepada golongan remaja sebagai aset penting dalam komuniti.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Hal ini adalah kerana pendekatan kualitatif mengenal pasti proses tertentu misalnya dalam mengetahui sesuatu perkara yang berlaku (Willig, 2001). Teknik temu bual, pemerhatian turut serta dan juga perbincangan kumpulan berfokus digunakan dalam kajian ini bagi proses pengumpulan data. Tiga persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini, iaitu i) untuk melihat apakah prosedur perancangan, pelaksanaan dan penilaian program Rakan Muda Jiran Muda; ii) adakah kedapatan elemen-elemen pendekatan Pembangunan Belia Positif dalam pelaksanaan Program Rakan Muda Jiran Muda; iii) untuk melihat sejauh manakah perancang dan pelaksana memahami pendekatan Pembangunan Belia Positif dalam perancangan program belia. Fokus perbincangan dalam makalah ini hanya membincangkan kedapatan elemen pendekatan Pembangunan Belia Positif dalam pelaksanaan Program Rakan Muda Jiran Muda. Kajian telah dijalankan di tiga buah negeri, iaitu Johor, Pulau Pinang dan Kelantan. Seramai 14 orang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pegawai dari peringkat perancangan, pelaksana dan penilai. Pemilihan informan kajian adalah berasaskan kepada keperluan kajian iaitu mendapatkan maklumat serta pandangan daripada pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksana program iaitu pegawai yang terlibat secara langsung dalam proses perancangan program dan juga pelaksanaan program. Teknik pensampelan yang digunakan adalah pensampelan bertujuan. *Constants Comparative Analysis* digunakan bagi menganalisis dapatan kajian.

HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kedapatan Elemen Pembangunan Belia Positif di Peringkat Perencanaan

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa elemen Pembangunan Belia Positif yang diterapkan dalam Kem Rakan Muda Jiran Muda (RMJM) melalui pelaksanaan aktiviti di kem RMJM. Ini juga dilihat berdasarkan rujukan modul Kem RMJM yang digunakan oleh fasilitator Kem RMJM. Berdasarkan pemantauan yang dibuat menunjukkan bahawa di antara elemen yang diterapkan, iaitu daripada aspek dalaman seperti kecekapan sosial, identiti positif dan nilai positif. Manakala aspek luaran, iaitu seperti komitmen untuk belajar, sokongan, masa konstruktif. Jadual 1 dan Jadual 2 menerangkan elemen pembangunan belia positif.

Jadual 1: Penjelasan Elemen Luaran Pembangunan Belia Positif

Elemen	Penerangan atau Huraian Setiap Elemen
1) Sokongan	Penekanan kepada wujud sokongan keluarga, iaitu melalui komunikasi keluarga yang positif. Selain mempunyai hubungan yang baik dengan golongan dewasa, termasuk kejiwaan yang penyayang. Ini juga adalah merujuk kepada hubungan yang erat dengan keluarga, sekolah dan anggota komuniti yang meluas. Dalam konteks kajian ini anggota komuniti, iaitu Rukun Tetangga.
